



DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA,  
OCTOBER 2022**

***Unemployment fell to the lowest level since the COVID-19 pandemic  
in October 2022, reaching 602.0 thousand persons***

**PUTRAJAYA, 9 December 2022** – Unemployment fell to the lowest level since the COVID-19 pandemic in October 2022, reaching 602.0 thousand persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Labour Force Statistics, Malaysia, October 2022**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Discussing the overall performance for October 2022, the Chief Statistician said, “The optimistic labour force performance in October 2022 reflected the steady nation’s economic fundamentals, resulting from continuously growing economic and social activities. It was coupled with ongoing policy support to buffer the impact of the rising cost of living and reduce the negative risks associated with lingering geopolitical unrest and tightening external financial conditions. Furthermore, domestic and international tourism were boosted by increasing tourist arrivals in many countries, including Malaysia, and the increasing momentum of economic activities contributed by the current economic situation. Therefore, more labour was needed in the market to support the overall encouraging business activities. As a result, the labour force situation improved further in October 2022, with more employed and fewer unemployed persons. The number of labour force continued to expand in October 2022, with a month-on-month increase of 0.2 per cent to record 16.68 million persons (September 2022: 16.66 million persons), whereas the LFPR stood at 69.7 per cent.”

Adding to this, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The improvement in the number of employed persons continued in October 2022 with a month-on-month rise of 0.2 per cent to register 16.08 million persons (September 2022: 16.05 million persons). Meanwhile, the number of unemployed persons posted a decline of 0.5 per cent, recording a lower number of unemployed at 602.0 thousand persons (September 2022: 605.0 thousand persons). The unemployment rate in October 2022 remained at 3.6 per cent, 0.3 percentage points higher than the pre-pandemic level (February 2020: 3.3%).”

Elaborating further on the employment situation, the Chief Statistician said, “The employees’ category, which was the largest composition of the total employed persons with 75.9 per cent, went up by 0.1 per cent to 12.20 million persons in October 2022

(September 2022: 12.18 million persons). A similar trend was observed in own-account workers, with an increase of 0.4 per cent to record 2.83 million persons (September 2022: 2.82 million persons)."

By economic sector, the Services sector continued to record an increase in the number of employed persons, mainly in Food & beverage service; Wholesale & retail trade; and Finance & insurance/ takaful activities. Similarly, the number of employed persons in the Manufacturing, Construction and Agriculture sectors also recorded increases. Meanwhile, employment in the Mining & Quarrying sector continued to fall.

Commenting further on the unemployment situation during the month, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs, encompassed 81.6 per cent of the total unemployed persons in October 2022. This group posted a decrease of 1.1 per cent to 491.3 thousand persons (September 2022: 496.6 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, 60.5 per cent of the actively unemployed were unemployed for less than three months, while 6.3 per cent were unemployed for more than a year. Meanwhile, those who believed that no jobs were available, or the inactively unemployed, rose by 2.1 per cent to 110.7 thousand persons (September 2022: 108.4 thousand persons)."

In October 2022, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years remained at 12.1 per cent, with 337.2 thousand unemployed youths (September 2022: 339.1 thousand persons). Meanwhile, the unemployment rate among youth aged 15 to 30 years rose to 7.4 per cent, registering the number of unemployed youth at 476.9 thousand persons (September 2022: 7.1%; 460.4 thousand persons).

As for the inactivity groups, the number of persons in the outside labour force continued a downward trend since August 2021, decreasing by 0.03 per cent to record 7.24 million persons (September 2022: 7.24 million persons). The majority of the outside labour force was due to housework/ family responsibilities with a share of 43.3 per cent, followed by schooling/ training with 40.9 per cent.

Concluding the overall labour force situation, the Chief Statistician Malaysia said, "The growing economic and social activities and the continuously increasing number of tourist arrivals by the end of 2022 have led to positive developments in the country's economic growth. In line with this, the Malaysian economy is expected to maintain its growth momentum, despite the slowdown and uncertainties of the global economy, based on the current Leading Index indicator, which continued to record year-on-year improvements. Similarly, business tendency statistics showed that businesses remained positive on the business situation in the fourth quarter of 2022. As a consequence of the optimistic economic and business performance forecasts, the labour market is expected to be better, whereby more labour will be recruited to accommodate the economy and business needs. As a result, more labour demand and supply opportunities will emerge in the market, bolstering the labour market's positive momentum in the coming months."


Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.




The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to 31<sup>st</sup> December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).

**Chart 1: Unemployment, Malaysia, April 2020 - October 2022**



**Chart 2: Outside labour force, Malaysia, April 2020 - October 2022**



**Released by:**

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**9 DECEMBER 2022**



## KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, OKTOBER 2022

**Pengangguran menurun ke paras terendah sejak pandemik COVID-19 pada Oktober 2022, iaitu kepada 602.0 ribu orang**

**PUTRAJAYA, 9 Disember 2022** – Pengangguran menurun ke paras terendah sejak pandemik COVID-19 pada Oktober 2022, iaitu kepada 602.0 ribu orang, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Oktober 2022**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh bulanan berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi Oktober 2022, Ketua Perangkawan berkata, “Prestasi tenaga buruh yang optimistik pada Oktober 2022 mencerminkan atas ekonomi negara yang stabil, hasil daripada aktiviti ekonomi dan sosial yang berterusan. Ini ditambah dengan sokongan polisi yang berterusan bagi mengatasi kesan peningkatan kos sara hidup dan mengurangkan risiko negatif yang berkaitan dengan pergolakan geopolitik yang berlarutan dan mengukuhkan kedudukan kewangan luar. Selain itu, pelancongan domestik dan antarabangsa juga dirangsang oleh peningkatan ketibaan pelancong di kebanyakan negara, termasuk Malaysia. Sektor ekonomi lain dalam negara juga turut mengalami momentum yang menggalakkan hasil daripada situasi ekonomi semasa. Oleh itu, lebih banyak tenaga buruh diperlukan dalam pasaran bagi menyokong keseluruhan aktiviti perniagaan yang menggalakkan. Justeru, pasaran buruh bertambah baik pada Oktober 2022, dengan lebih ramai penduduk bekerja dan penganggur yang semakin berkurangan. Bilangan tenaga buruh terus meningkat pada Oktober 2022, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.68 juta orang (September 2022: 16.66 juta orang), manakala KPTB kekal pada kadar 69.7 peratus.”

Selanjutnya, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja berterusan pada Oktober 2022 dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.08 juta orang (September 2022: 16.05 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus, merekodkan bilangan penganggur yang lebih rendah iaitu sebanyak 602.0 ribu orang (September 2022: 605.0 ribu orang). Kadar pengangguran pada Oktober 2022 kekal pada 3.6 peratus, 0.3 mata peratus lebih tinggi berbanding paras prapandemik (Februari 2020: 3.3%).”

Mengulas lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkawan berkata, "Kategori pekerja yang merupakan komposisi terbesar daripada jumlah penduduk bekerja dengan peratus sumbangan 75.9 peratus, meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 12.20 juta orang pada Oktober 2022 (September 2022: 12.18 juta orang). Trend yang sama dapat dilihat dalam penduduk bekerja sendiri, dengan pertambahan sebanyak 0.4 peratus merekodkan 2.83 juta orang (September 2022: 2.82 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit dan Kewangan & insurans/ takaful. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan dan Pertanian juga mencatatkan peningkatan. Sebaliknya, guna tenaga dalam sektor Perlombongan & pengkuarian terus menurun.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi 81.6 peratus daripada jumlah penganggur pada Oktober 2022. Kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak 1.1 peratus kepada 491.3 ribu orang (September 2022: 496.6 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 60.5 peratus daripada penganggur aktif adalah penganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.3 peratus adalah penganggur yang melebihi setahun. Sebaliknya, mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, meningkat sebanyak 2.1 peratus kepada 110.7 ribu orang (September 2022: 108.4 ribu orang)."

Pada Oktober 2022, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada 12.1 peratus, merekodkan pada 337.2 ribu penganggur belia (September 2022: 339.1 ribu orang). Manakala, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun meningkat kepada 7.4 peratus, mencatatkan bilangan penganggur belia seramai 476.9 ribu orang (September 2022: 7.1%; 460.4 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh terus berada pada trend menurun sejak Ogos 2021, berkurang sebanyak 0.03 peratus merekodkan 7.24 juta orang (September 2022: 7.24 juta orang). Majoriti penduduk di luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, dengan peratus sumbangan sebanyak 43.3 peratus, diikuti oleh bersekolah/ latihan dengan 40.9 peratus.

Merumuskan kedudukan tenaga buruh, Ketua Perangkawan berkata, "Aktiviti ekonomi dan sosial yang semakin rancak serta peningkatan berterusan dalam jumlah ketibaan pelancong menjelang akhir tahun 2022 telah mendorong kepada perkembangan

positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Selaras dengan itu, ekonomi Malaysia dijangka masih mengekalkan momentum pertumbuhannya, walaupun perlahan dan berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi global, berdasarkan kepada indikator Indeks Pelopor semasa yang terus merekodkan peningkatan tahun ke tahun. Begitu juga, statistik kecenderungan perniagaan menunjukkan perniagaan kekal positif terhadap situasi perniagaan pada suku tahun keempat 2022. Susulan daripada ramalan prestasi ekonomi dan perniagaan yang optimistik tersebut, pasaran buruh dijangka bertambah baik, di mana lebih ramai tenaga buruh akan diambil bagi menampung keperluan ekonomi dan perniagaan. Justeru, lebih banyak peluang terhadap permintaan dan penawaran buruh akan wujud di pasaran, seterusnya akan dapat memperkuuh momentum positif pasaran buruh dalam bulan yang akan datang.”


Data siri masa serta maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi melalui *dashboard Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID)*. Sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> untuk maklumat lanjut atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).

**Carta 1: Pengangguran, Malaysia, April 2020 - Oktober 2022**



**Carta 2: Luar tenaga buruh, Malaysia, April 2020 - Oktober 2022**



**Dikeluarkan oleh:**

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**9 DISEMBER 2022**